



Kuktem anjur seminar bioteknologi

KUANTAN: Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) akan menganjurkan seminar sehari berkaitan bidang bioteknologi di Hotel M S Garden, di sini, Rabu ini.

Pegawai Korporat dan Perkhidmatan Kuktem, Arman A Rahim, berkata seminar bertajuk Mengkomersilkan Bioteknologi: Peluang, Cabaran dan Teknologi itu anjuran bersama kerajaan negeri dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Beliau berkata, seminar yang akan membincangkan potensi ekonomi, pengkomersialan dan keusahawanan di dalam industri bioteknologi diharap dapat dijadikan titik permulaan kepada perusahan kecil dan sederhana (PKS) menceburkan diri dalam bidang keusahawanan berteras-kan bioteknologi.

"Panel yang terbabit dalam seminar berkenaan adalah pakar dalam bidang bioteknologi di sektor awam dan swasta, khususnya di negeri ini.

"Sehubungan itu, mereka yang berminat dalam bidang keusahawanan dapat menyertai seminar berkenaan bagi menimba ilmu dan pengalaman sekali gus meneroka bidang berpotensi itu," katanya di sini, semalam.

Arman berkata, Kuktem menganjurkan seminar ini kerana bioteknologi akan menjadi satu bidang penting dalam industri keusahawanan sama ada dalam sektor awam dan swasta.

Mereka yang terbabit dalam bidang keusahawanan sama ada daripada sektor awam atau swasta diharap dapat menyertai seminar itu bagi menimba lebih banyak pengetahuan mengenai bioteknologi.

Orang ramai yang berminat menyertai seminar berkenaan boleh menghubungi Jolius Gim-bun di talian 09-5492413 atau 016-9310998/012-9465879.